

## JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR SELANGOR

### SEBUTHARGA

**TAWARAN SEWA PAJAK DUA BUAH REBAN AYAM PEDAGING SISTEM TERTUTUP DUA TINGKAT A:01 & A:02 MILIK KERAJAAN NEGERI SELANGOR DI PLOT SB 4A, TKPM SUNGAI BLANKAN, KG ULU CHUCHOH. SEPANG**

#### 1 Syarat Kelayakan Penyebutharga ( Penyewa Pajak )

- 1.1 Terbuka kepada usahawan ternak Ayam Pedaging Sistem Tertutup , beroperasi dan berdaftar di Negeri Selangor serta mencapai minima gred B Perlesenan Perladangan Unggas - Penternakan Ayam Pedaging Negeri Selangor.
- 1.2 Berpengalaman dalam industri penternakan ayam pedaging dan berkeupayaan dari segi kewangan, tenaga kerja dan sumber (peralatan/jentera) bagi menjayakan projek.  
***Keutamaan kepada yang mempunyai tunai sendiri atau mempunyai aset mudah cair minima RM 54,000 sebagai modal permulaan. ( Mengambil kira keperluan deposit sekuriti utiliti, caj pelbagai agensi, pendahuluan sewaan dan kos operasi bagi menjalankan projek) .***
- 1.3 Komited dalam penternakan ayam pedaging komersil dan sedia bekerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor bagi menjayakan program latihan berkaitan Ternakan Ayam Pedaging bagi latihan usahawan, kakitangan dan pelajar IPTA.
- 1.4 Keutamaan diberi kepada penternak Ayam Pedaging Daerah Sepang dan Daerah berhampiran dengan bilangan ternakan/ keupayaan pengeluaran ladang ayam sedia ada tidak melebihi 50,000 ekor.

#### 2 Keterangan berkenaan Reban Yang akan Disewakan

- 2.1 Dua buah Sebuah Reban Ayam Sistem Tertutup Dua Tingkat Sistem Tertutup bersaiz 188 kaki panjang x 32 kaki lebar (Reban No. 1) dan 198 kaki panjang x 33 kaki lebar (Reban No.2) berkapasiti **27,889** ekor ayam.
- 2.2 Lantai Reban tingkat bawah lepaan simen dan tingkat atas lantai plywood kalis air.  
*Nota: ( Kaedah Sarap Tebal perlu digunakan dalam pemeliharaan ayam di reban ini).*
- 2.3 Reban turut dilengkapi dengan *stanby genset* , tangki simpanan air, setor makanan , bilik pekerja, bilik mandi dan tandas.
- 2.4 Reban ayam tersebut akan disewa pajak atas "**SEPERTIMANA SEDIA ADA** " Tertakluk kepada satu **HARGA RIZAB (PERMULAAN) sewaan sebanyak RM 3,179.33** sebulan.

#### 3 Syarat-syarat penyewaan yang perlu dipatuhi oleh penyebutharga (jika terpilih )

- 3.1 Perlu mengikat kontrak dengan syarikat integrator ayam pedaging yang berdaftar di Malaysia bagi menjalankan aktiviti penternakan ayam pedaging secara '*contact farming* '.
- 3.2 Perlu mematuhi Amalan Penternakan Yang Baik yang meliputi kawalan biosekuriti, kawalan penyakit dan kebersihan ladang dan lain-lain.

*muka surat 1 dari 4*

- 3.3 Perlu menjalankan aktiviti penternakan secara konsisten dan berterusan sekurang-kurangnya 6 pusingan pemeliharaan ayam dalam setahun .
- 3.4 Perlu mengembalikan borang tawaran penerimaan sewa pajak reban ayam Jabatan tersebut dalam masa 7 hari dari tarikh surat tawaran jabatan.
- 3.5 Perlu menjelaskan sewaan reban bagi 6 bulan pertama dalam masa 14 hari dari tarikh surat tawaran Jabatan.
- 3.6 Perlu menjelaskan deposit / cagaran penggunaan air dan elektrik bersamaan 4 bulan kadar penyewaan reban dalam masa 14 hari dari dari tarikh surat tawaran jabatan.
- 3.7 Perlu menukar nama pemilik bil elektrik TNB bagi dua buah reban tersebut kepada nama Penyewa pajak dalam masa 30 hari dari tarikh surat tawaran dengan perbelanjaan sendiri.
- 3.8 Perlu mengoperasikan reban / menjalankan aktiviti penternakan ayam dalam tempoh 30 hari dari tarikh surat tawaran jabatan.
- 3.9 Perlu menjelaskan bayaran sewa pajakan reban ayam bagi 6 bulan pertama yang dikira mulai bulan berikutnya selepas menerima surat tawaran Jabatan.
- 3.10 Perlu menandatangani perjanjian Pajak Reban Ayam antara Pemajak dan pihak Kerajaan Negeri yang diwakili oleh Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor dan perlu mematuhi terma dan syarat pemajakan Reban Ayam Milik Kerajaan Negeri Selangor .

***( Bersama ini disertakan Terma dan Syarat-syarat Sewapajak Reban Ayam Milik Kerajaan Negeri yang perlu dipatuhi oleh penyewa pajak).***

Jabatan berhak meminda mana-mana terma atau syarat dalam perjanjian semasa penyediaan perjanjian sebenar kelak.

#### **4 Syarat-syarat Khas penyewaan yang perlu dipatuhi oleh Penerima Pajak ( Jika terpilih ).**

Penyewa Pajak terpilih perlu berkolaborasi dengan DVS Selangor bagi bersama mencapai tujuan dan objektif Pembangunan Reban Ayam Pedaging di TKPM Sungai Blankan.

##### **4.1 Objektif utama 1 - Pengoperasian Reban Ayam Pedaging TKPM Sg. Blankan sebagai tempat Latihan Ternakan Ayam kepada Usahawan dan kakitangan DVS.**

4.1.1 Penerima sewapajak bersetuju dan bersedia menerima pelatih untuk latihan menternak di Reban yang disewa pajak secara percuma apabila diarah / dilaksanakan oleh DVS Selangor.

##### **4.2 Objektif utama 2 - Pengoperasian Reban Ayam Pedaging di TKPM Sg. Blankan sebagai sumber bekalan baja Organik ( tinja ayam ) bagi menyokong aktiviti pembajaan tanaman rumput dan fodder peserta TKPM Veterinar Daerah Sepang ( penternak Ruminan dan Penanam Rumput Napier di TKPM ).**

4.2.1 Penerima sewapajak bersetuju membekal baja tinja ayam minima sebanyak 250 guni dengan setiap satu seberat 25 kg per guni bagi setiap satu pusingan pemeliharaan ayam bagi peserta ruminan/ penanam rumput Napier di TKPM Sg. Blankan. ( jika diarahkan oleh Pegawai PPVD Sepang).

4.2.2 Penerima sewapajak bersetuju hanya menjual baki tinja ayam yang tinggal ( baki selepas pembekalan kepada 4.2.1 diatas bagi setiap pusingan pengeluaran ayam kepada penyewa pajak/penanam rumput /penternak ruminan di TKPM Sungai Blankan /TKPM Jenderam pada kadar harga minima / berpatutan semasa yang dipersetujui oleh Pegawai PPVD Sepang.

4.2.3 Penerima sewa pajak bersetuju TIDAK membawa keluar tinja ayam dari ladang TKPM Sungai Blankan untuk jualan luar kecuali atas kebenaran khas dari Pegawai PPVD Sepang.

## 5 Tempoh Pajakan / Sewaan Yang ditawarkan ( Jika terpilih )

Tempoh pajakan / sewaan yang ditawarkan adalah selama 3 tahun (36 bulan).

## 6 BORANG TAWARAN BIDAAN SEBUTHARGA (PERLU DI ISI LENGKAP OLEH PENYEBUTHARGA)

**TAWARAN SEWA PAJAK DUA BUAH REBAN AYAM PEDAGING SISTEM TERTUTUP DUA TINGKAT A:01 & A:02 MILIK KERAJAAN NEGERI SELANGOR DI PLOT SB4A, TKPM SUNGAI BLANKAN, KG. ULU CHUCHOH, SEPANG. SELANGOR**

Bil	Perkara	Bilangan bulan	Kadar Sewaan Ditawarkan sebulan (RM)	JUMLAH SEWAAN DITAWARKAN SETAHUN (RM)												
1	<p><b>Tawaran Sewa Pajak Dua Buah Reban Ayam Pedaging Dua Tingkat Sistem Tertutup bernombor A:01 dan A:02 di Plot SB 4A, Sungai Blankan, Ulu Chuchoh, Sepang Berkapasiti 27,889 ekor ayam.</b></p> <p>Harga Tawaran Sewaan yang di Tawarkan Mengikut Tahun:</p> <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <tr> <td><b>Tahun Pertama</b></td> <td>12</td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td><b>Tahun Kedua</b></td> <td>12</td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td><b>Tahun Ketiga</b></td> <td>12</td> <td></td> <td></td> </tr> </table>	<b>Tahun Pertama</b>	12			<b>Tahun Kedua</b>	12			<b>Tahun Ketiga</b>	12					
<b>Tahun Pertama</b>	12															
<b>Tahun Kedua</b>	12															
<b>Tahun Ketiga</b>	12															
<b>JUMLAH HARGA DITAWARKAN BAGI 3 TAHUN ( 36 BULAN)</b>			<b>RM*</b>													

7 Harga sewaan yang ditawarkan adalah harga bersih RM .....bagi 3 tahun tersebut dan perlu dijelaskan 2 kali setahun. ( bayaran sewaan bagi 6 bulan pertama perlu dijelaskan bulan berikutnya selepas terimaan surat tawaran Jabatan ( bayaran sewaan bagi baki bulan sehingga bulan Jun 2022 perlu dijelaskan sebelum atau pada 7 Januari 2022. Bayaran seterusnya perlu dijelaskan sebelum atau pada 7 haribulan Julai dan sebelum atau pada 7 haribulan Januari setiap tahun semasa sehingga tamat tempoh pajakan 3 tahun tersebut.

## 8 Penyebutharga diwajibkan menyertakan dokumen berikut :

- 8.1) **Profail Individu / Syarikat yang mengandungi**
- 8.1.1 Carta Organisasi / Pengurusan
  - 8.1.2 Pengalaman
  - 8.1.3 Salinan Kad Pengenalan / Sijil Pendaftaran Syarikat
  - 8.1.4 Lesen Menternak Ayam Pedaging dari Jabatan Perkhidmatan Veterinar
  - 8.1.5 Salinan Penyata Kewangan bank 3 bulan terkini / Aset tunai /Pemilikan saham dll.
  - 8.1.6 Salinan laporan prestasi bagi 6 pusingan pemeliharaan ayam di ladang sedia ada (terkini) dari integrator.
  - 8.1.7 Senarai pekerja sedia ada mengikut kategori profesional, mahir, separa mahir dan tidak mahir dan perakuan berkaitan.
  - 8.1.8 Senarai kenderaan, jentera dan peralatan yang dimiliki syarikat yang boleh dimobilisasi.
  - 8.1.9 Surat / Pengesahan dari pihak berkepentingan dalam industri seperti Integrator, bank lain-lain bagi menyokong permohonan.

muka surat 3 dari 4

## 9 Saya / kami juga bersetuju dan beraku janji seperti berikut (jika terpilih):

- 9.1) Bersedia menerima pelatih untuk latihan menternak di reban yang disewa pajak secara percuma apabila diarah / dilaksanakan oleh DVS Selangor.
- 9.2) Penerima sewapajak bersetuju membekal baja tinja ayam minima sebanyak 250 guni /reban dengan setiap satu seberat 25 kg per guni bagi setiap satu pusingan pemeliharaan ayam kepada penternak /penanam rumput Napier di TKPM Sg. Blankan. ( jika diarahkan oleh Pegawai PPVD Sepang).
- 9.3) Penerima Pajak bersetuju hanya menjual baki tinja ayam yang tinggal ( baki selepas penghantaran kepada 4.2.1 diatas bagi setiap pusingan pengeluaran ayam kepada penyewa pajak / penanam rumput /penternak ruminan di TKPM Sungai Blankan /TKPM Jenderam pada kadar harga minima / berpatutan semasa yang dipersetujui oleh Pegawai PPVD Sepang.
- 9.4) Penerima Pajak bersetuju TIDAK membawa keluar tinja ayam dari ladang TKPM Sungai Blankan untuk jualan luar kecuali atas kebenaran khas dari Pegawai PPVD Sepang.
- 9.5) Bersetuju menjelaskan bil-bil utiliti (elektrik & air), Caj-caj yang dikenakan oleh agensi seperti caj pengambilan air LUAS, Lesen perniagaan, cukai taksiran dan seumpamanya yang dikenakan oleh pihak PBT, Lesen Menternak Unggas oleh Veterinar dan apa-apa operasi caj berkaitan yang dikenakan oleh pihak Berkuasa Negeri bersabit dengan pengoperasian reban tersebut dengan perbelanjaan sendiri.
- 9.6) Bersetuju melaksanakan sendiri operasi seharian reban dan tidak menyewa pajak reban tersebut kepada pihak ketiga atau melantik mana-mana rakan kongsi atau agen bagi sebarang tujuan seperti pengumpulan dana atau modal yang tidak sepatutnya bersabit pengoperasian reban tersebut.

Saya / kami dengan ini menawarkan tawaran untuk menyewa pajak dua buah buah reban ayam tersebut di atas dengan harga **RM** .....bagi sewa pajak reban selama 3 (tiga) tahun sepertimana tercatat di atas. Saya / kami juga berakujanji dan bersetuju dengan syarat-syarat yang ditetapkan sepertimana dinyatakan di para 3,4,5,7 ,8 & 9 di atas.

Tandatangan penyebutharga :

Nama dan Kad Pengenalan:

Alamat Syarikat beserta cop :

No. Telefon

Tarikh :

\* *Penyebutharga dinasihatkan mengambil kira kos yang perlu ditanggung bersabit caj-caj yang mungkin dikenakan dan kos tersebut perlu diambilkira sebagai kos operasi sebelum mengemukakan tawaran harga sewa pajak reban kepada Jabatan.*

muka surat 4 dari 4